

UMSKAL, JBS bekerjasama anjur program belia dan sukan

UB 11.05.2024 P.08

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah Kampus Antara-bangsa Labuan (UMSKAL) sedia bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Wilayah Persekutuan Labuan menganjurkan pelbagai pro-gram belia dan sukan.

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abd Hamid berkata pihaknya sebagai sebuah institusi penga-jian tinggi awam (IPTA) yang tunggal di pulau ini akan sen-tiasa berganding bahu dengan jabatan dan agensi kerajaan mengadakan program yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak khususnya mahasiswa UMSKAL.

"UMSKAL sentiasa ber-sedia bekerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan menganjurkan pelbagai pro-gram yang membabitkan mahasiswa dan komuniti

di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Pelbagai program belia dan sukan sememangnya sesuai dengan kehendak ma-hasiswa dan kakitangan UM-SKAL," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menerima kunjungan hormat delegasi Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Perseku-tuan Labuan yang diketuai pengarahnnya, Mahanum Fauzi di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 13, Bangu-nan Menara UMSKAL pada Jumaat.

Delegasi JBS turut disertai Penolong Pengarah Belia, Tracy Tunay Rigar, Pegawai Pembangunan Rakan Muda,

Zulhairi Isnean, Pegawai Pembangunan Sosial, Rayner Justine dan Pengurus Kompleks Sukan, Abang Syamsul-zainuri Abang Sapini.

Turut hadir Ketua Pentad-biran UMSKAL, Zamri Haji Mohammad Tuah, Ketua Sek-tor Sukan dan Rekreasi (SSR) UMSKAL, Dr Ahmad Fadly Abdul Rahman serta wakil Sektor Hal Ehwal Pelajar.

Dr. Mohamad Rizal ber-kata dengan adanya kemudahan seperti dewan kuliah, bilik kuliah dan gelanggang sukan, pihaknya mampu mengendalikan pelbagai acara yang membabitkan belia dan sukan.

Malah, katanya, UMSKAL juga bersedia berkongsi ilmu dan kepakaran yang dimiliki pensyarah dan pegawai serta kakitangan dengan komuniti setempat.

"Sudah beberapa kali juga mahasiswa dan pensyarah serta kakitangan UMSKAL memberikan kerjasama menjayakan pelbagai program

anjuran jabatan dan agensi kerajaan," katanya.

Sementara itu, Mahanum memaklumkan JBS dengan kerjasama jabatan dan agensi kerajaan akan menganjurkan Hari Belia Negara (HBN) 2024 Peringkat WP Labuan pada 18 dan 19 Mei ini di Dewan Kompleks Ujana Ke-wangan Labuan.

Katanya, HBN 2024 yang bertemakan 'Yakin Boleh' itu menampilkan pelbagai pro-gram menarik untuk disertai warga Labuan khususnya golongan belia.

"JBS Labuan mengucap-kan terima kasih kepada jabatan dan agensi kerajaan yang bekerjasama menjaya-kan HBN 2024. Pelbagai program menarik menanti warga Labuan pada 18 dan 19 Mei ini di Ujana Kewangan Labuan," katanya.*



KERJASAMA: Dr. Mohamad Rizal menyampaikan cenderamata kepada Mahanum sambil diperhatikan Zamri (lima kanan).